

UTUSAN
3/1/8

Sistem khas kesan penyakit lembu import

SEPANG 30 Ogos - Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan membangunkan satu sistem khas bagi mengesahkan lembu yang diimport dari Thailand ke negara ini selamat dan bebas daripada sebarang penyakit.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa berkata, menerusi sistem tersebut, pihaknya dapat mengenal pasti lembu dibawa masuk menerusi pemeriksaan implan yang diletakkan pada tengkuk ternakan terbabit.

Beliau menjelaskan, setiap lembu yang mempunyai implan tersebut menunjukkan haiwan itu dikuarantin sekali gus mengesahkan ia bebas sebarang penyakit.

“Perkara tersebut dicadangkan oleh pihak berkuasa veterinar Thailand dalam mesyuarat antara kedua-dua negara di Langkawi ba-

ru-baru ini dan mereka memohon sokongan kita agar membangunkan sistem berkenaan.

“Menerusi pembangunan sistem ini, ia dapat memudahkan pemeriksaan ke atas lembu dan berupaya menangani aktiviti penyeludupan haiwan itu,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Kesedaran Awam Mengenai Penggunaan Antibiotik Dalam Penternakan Ayam, di sini hari ini.

Sementara itu, Kamarudin memberitahu, semua pihak perlu memahami kepentingan antibiotik dalam penternakan ayam bagi menjamin kualiti dan rintangan kawalan penyakit terhadap ternakan tersebut.



KAMARUDIN MD. ISA

Beliau berkata, pihaknya sentiasa melakukan pantauan untuk memastikan setiap pengusaha ladang ayam menggunakan antibiotik berdasarkan garis panduan ditetapkan.

“Kita galakkan pengusaha ternakan ayam menerapkan amalan perladangan baik

dalam pengurusan ladang supaya penularan penyakit dapat dikawal sebagai langkah mengurangkan penggunaan antibiotik.

“Kawalan menyeluruh ini telah diambil oleh pihak jabatan bermula daripada pengeluaran makanan ayam, pengurusan anak ayam, pemeliharaan, penyembelihan sehingga pembungkusan produk,” katanya.